

# 'Sedia makanan berkhasiat di sekolah'

Oleh Rasheffa Abdul Rashid  
dan Yahya Awang

**T**AIPING: Kementerian Pelajaran memberi amaran kepada semua pembekal makanan berkhasiat ke sekolah pedalaman terutama Sabah dan Sarawak supaya tidak mengambil kesempatan mengaut keuntungan lebih dengan menyajikan masakan tidak berkualiti.

Menterinya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein berkata, pihaknya akan mengambil tindakan tegas termasuk menarik balik tender yang diberikan sekiranya pembekal berkenaan dikesan berbuat demikian.

Beliau berkata, tindakan tidak bertanggungjawab pihak pembekal terabit hanya akan menggagalkan agenda kerajaan untuk membekalkan makanan berkhasiat kepada pelajar.

"Kita akan pastikan pembekal makanan tidak mengambil kesempatan ke atas peruntukan yang ditambah untuk mengaut keuntungan lebih besar.

"Ia menyebabkan agenda pemberian makanan berkhasiat kepada murid yang sepatutnya dimanfaatkan mereka tidak akan ke mana," katanya kepada pemberita selepas merasmikan majlis sambutan 100 tahun Sekolah Kebangsaan Pantai Besar di Batu Kurau dekat sini, semalam.

8/12/2007  
Hishammuddin berkata, tindakan pembekal makanan itu yang hanya memikirkan keuntungan secara tidak langsung memberi impak kepada pendidikan pelajar di luar bandar khususnya.

Beliau berkata, pihaknya kini berusaha memohon peruntukan tambahan bagi penyediaan makanan berkhasiat supaya pelajar di luar bandar dapat menikmati makanan seimbang.


"Saya melihat pelajar di Sabah dan Sarawak bertubuh kecil (berbanding pelajar di Semenanjung)...ini mungkin kerana makanan kurang berzat.

"Jadi saya berusaha untuk mendapatkan peruntukan khas termasuk bekalan elektrik dan air untuk mereka sekali gus meluaskan pengagihan berbanding peruntukan sedia ada," katanya.

Selain itu, Hishammuddin berkata kementeriannya turut memperincikan kaedah agihan pembekal makanan supaya setiap agihan berkenaan sampai kepada golongan sasaran.

"Bukan saja peruntukan yang akan diambil kira malah agihan juga iaitu bagaimana untuk sampai kepada golongan yang disasarkan.

"Pemimpin di Sabah dan Sarawak perlu tahu berapa jumlah peruntukan makanan sampai kepada pelajar yang betul-betul memerlukan," katanya.



**DETIK BERSEJARAH:** Hishammuddin menurunkan tanda tangan ketika merasmikan sambutan perayaan 100 tahun Sekolah Kebangsaan Pantai Besar, Batu Kurau, semalam.